

**Tarikh Dibaca: 31 Januari 2025M / 01 Sya'ban 1446H**



**ISLAMIC · SAVIOUR · OBEDIENCE**

# **KHUTBAH JUMAAT**

**Tajuk:**

**“SELAMATLAH UMAT TANPA DADAH”**

**\*\*\***

**Terbitan:**

**Unit Khutbah**

**Bahagian Pengurusan Masjid**

**JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR**

## "SELAMATLAH UMAT TANPA DADAH"

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ : وَأَنْفِقُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ وَلَا تُلْقُوا بِأَيْدِيكُمْ إِلَى  
التَّهْلُكَةِ وَأَحْسِنُوا إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُحْسِنِينَ ﴿١٩٥﴾<sup>1</sup>

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا  
عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى  
آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ  
بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا  
تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ ﴿١٠٢﴾<sup>2</sup>

Muslimin yang dirahmati Allah SWT sekalian,

Saya menyeru agar kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan segala perkara yang dilarang-Nya. Semoga kita semua diberikan kebahagiaan dan kejayaan di dunia dan akhirat. Para jemaah

<sup>1</sup> Al-Baqarah : 195

<sup>2</sup> Ali-Imran: 102.

diingatkan supaya jangan bermain dengan telefon bimbit ketika khutbah disampaikan.

Pada hari yang mulia ini mimbar akan membicarakan khutbah bertajuk **"SELAMATLAH UMAT TANPA DADAH"**.

**Hadirin Jumaat yang dirahmati Allah SWT,**

Kehidupan manusia sememangnya dipandu dengan peraturan yang telah ditetapkan oleh Allah SWT, yang menjadi asas untuk mencapai kebahagiaan dunia dan akhirat. Segala perlakuan kita, sama ada terang-terangan atau tersembunyi, sama ada berkaitan perkara halal atau haram, fahsha' atau mungkar, semuanya adalah cerminan nyata yang diperhatikan oleh Allah SWT. Ia menjadi kayu ukur sejauh mana kita sebagai hamba-Nya taat atau ingkar terhadap Islam sebagai cara hidup yang sempurna.

Maka, memahami tanggungjawab ini dalam konteks maqasid syariah amatlah penting. Pensyariaan hukum dalam Islam bertujuan untuk memelihara lima perkara asas iaitu agama, nyawa, akal, keturunan, dan harta. Larangan terhadap perkara haram yang keji seperti penyalahgunaan dadah ini adalah langkah syarak untuk memelihara akal daripada kerosakan yang menjurus kepada hilangnya kemampuan berfikir secara waras. Penyalahgunaan dadah juga akan merosakkan keturunan, sama ada melalui pengabaian tanggungjawab terhadap keluarga atau kelahiran zuriat yang tidak sempurna akibat penyalahgunaan bahan terlarang. Larangan ini jelas menunjukkan keprihatinan syarak dalam memastikan kesejahteraan manusia dan kelangsungan generasi yang sihat dan berintegriti.

Oleh itu, menjadi kewajipan yang tidak boleh diremehkan bagi setiap muslim yang mukallaf untuk melaksanakan perintah Allah SWT dan

menjauhi larangan-Nya. Tanggungjawab ini bukan sekadar satu kewajipan, tetapi lambang keimanan yang tulus selari dengan prinsip Ubudiyah yang menyeru kepada ketaatan dan menerima segala ketetapan Allah SWT tanpa sebarang keraguan.

Firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah ayat 195 sebagaimana yang dibacakan pada awal khutbah yang bermaksud:

*“Dan belanjakanlah (apa yang ada pada kamu) kerana (menegakkan) agama Allah, dan janganlah kamu sengaja mencampakkan diri kamu ke dalam bahaya kebinasaan (dengan bersikap bakhil); dan baikilah (dengan sebaik-baiknya segala usaha dan) perbuatan kamu; kerana sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang berusaha memperbaiki amalannya.”*

Imam al-Baghawi di dalam tafsirnya menyatakan, menurut satu pandangan lafaz *‘التَّهْلُكَةُ’* ini adalah merujuk kepada segala perkara yang membawa kepada kerosakan dan kebinasaan, serta larangan supaya jangan melakukan perkara tersebut. Selain itu, *‘التَّهْلُكَةُ’* juga merujuk kepada sesuatu perkara yang harus diwaspadai dan berhati-hati daripadanya.

### **Hadirin Jumaat yang dikasihi Allah SWT,**

Pada hari ini, kemaksiatan dan kemungkaran semakin berleluasa sehinggakan sebahagian umat Islam sudah tidak merasa malu lagi untuk melakukannya. Kebanyakan kemungkaran yang berlaku pada masa ini seperti mencuri, meragut, berzina, mencabul kehormatan dan bunuh; salah satunya berpunca daripada penyalahgunaan dadah. Kesan buruk penyalahgunaan dadah ini akan merosakkan akal sebagai pusat pertimbangan kebenaran dan kewarasan manusia. Akal yang rosak

menjadikan seseorang hilang kemampuan untuk membezakan antara yang benar dan salah, malah turut mengabaikan kemuliaan dirinya serta penghormatan terhadap insan lain.

Hukum penyalahgunaan dadah di dalam Islam adalah haram. Pengharaman ini adalah kerana ia boleh mendatangkan kerosakan yang besar terhadap akal. Walaupun tidak memabukkan seperti arak, ia tetap mendatangkan kemudaratan yang bukan sahaja memberi kesan kepada diri sendiri, tetapi turut menghancurkan institusi keluarga, menggugat keharmonian masyarakat, serta memusnahkan masa depan bangsa dan negara. Para ulama menghukumkan penyalahgunaan dadah melalui qias kepada arak, berdasarkan hadis yang diriwayatkan daripada Ibnu Umar Radiallahuanhuma bahawa Rasulullah SAW bersabda:

كُلُّ مُسْكِرٍ خَمْرٌ، وَكُلُّ مُسْكِرٍ حَرَامٌ

*"Setiap yang memabukkan adalah arak dan setiap yang memabukkan itu adalah haram"*

*(Riwayat Muslim).*

Psikologi pelaku maksiat kebiasaannya bermula dengan rasa ingin tahu dan bimbang, namun lama-kelamaan dia mencuba, terbiasa, dan akhirnya mempertahankan perbuatan tersebut. Ketika dia mula berasa biasa dan nikmat di dalam dunia khayalnya, maka berlakulah kehancuran dan kerosakkan di luar batas akal sihat. Fikiran yang waras menjadi kusut, jiwa yang tenang menjadi gelisah, badan yang sihat menjadi susut, keluarga yang harmoni bertukar kalam-kabut, semakin berleluasa jenayah mencuri dan meragut, zina dan dosa besar lainnya. Akhirnya masyarakat menjadi

kucar kacir kerana kerenah penyalahgunaan dadah yang tidak boleh meninggalkan tabiat buruknya, malah mempertahankan kehendak songsangnya.

Lebih membimbangkan lagi, trend penyalahgunaan dadah kini telah bertukar daripada dadah berasaskan tumbuhan seperti ganja, heroin dan morfin kepada dadah sintetik seperti syabu, pil kuda, ekstasi dan lain-lain. Malah beberapa jenis dadah baru yang dikenali sebagai dadah 3M iaitu dadah 'Molly', 'Mcdonald' dan 'Magic Mushroom' menjadi pilihan ramai dalam kalangan anak muda hari ini. Jenis dadah baru ini terutama 'Magic Mushroom' bukan sahaja lebih mudah dihasilkan dan disebar, tetapi juga membawa kesan buruk yang akan memberikan kesan halusinasi yang tinggi kepada penggunanya hingga merosakkan mental dan fizikal.

Justeru, adalah lebih baik untuk kita mengelakkan diri daripada menghampiri penyalahgunaan dadah memandangkan kesannya yang amat buruk. Pepatah Arab ada menyebutkan:

الْوَقَايَةُ خَيْرٌ مِنَ الْعِلَاجِ

*"Mencegah itu lebih baik daripada mengubati"*

**Hadirin Jumaat yang dikasihi Allah SWT,**

Akibat bahaya dadah, pada tahun 1983 lagi, kerajaan telah mengisytiharkan dadah sebagai musuh nombor satu negara seterusnya mewujudkan Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983. Pindaan akta ini telah diwartakan pada 17 Oktober 2024 bagi meluaskan akses

Rawatan dan Pemulihan kepada penagih dan penyalah guna dadah serta menggalakkan rawatan dan pemulihan secara sukarela.

Dasar-dasar kerajaan dalam membanteras penyalahgunaan dadah telah dikuatkuasakan melalui pelaksanaan undang-undang serta peraturan yang tegas, di samping penubuhan agensi khas. Langkah-langkah ini diambil dengan harapan agar kesejahteraan dan keamanan rakyat terpelihara, di samping memastikan akal manusia sentiasa dijaga demi kebaikan bersama. Matlamat akhirnya adalah untuk membina sebuah negara yang produktif, aman, makmur, dan dihormati, selaras dengan visi menuju al-Falah (kejayaan).

### **Hadirin Jumaat yang dikasihi Allah SWT,**

Tanggungjawab membanteras penyalahgunaan dadah bukan hanya terletak di bahu pihak berwajib, bahkan turut melibatkan peranan penting keluarga dan masyarakat. Sebagai umat Islam yang cintakan agama, bangsa, dan negara, adalah menjadi kewajipan kita untuk menyelamatkan saudara seislam dan masyarakat bukan Islam melalui pendidikan, pencegahan, dan intervensi yang sesuai berdasarkan kemampuan dan pengaruh masing-masing.

Usaha ini amat penting dalam membentuk sebuah ekosistem Islam yang menjadi jalan hidup terbaik, sekaligus membantu merealisasikan cita-cita sebuah negara yang harmoni dan sejahtera. Kepada mereka yang telah bertaubat dan kembali ke pangkal jalan, janganlah kita menghukum atau meminggirkan mereka. Sebaliknya, berilah peluang kepada mereka untuk memperbaiki diri dan kembali berfungsi sebagai anggota masyarakat yang normal. Sikap positif dan sokongan padu daripada masyarakat sangat

diperlukan bagi memastikan golongan ini terus dibimbing, dihargai, dan diberi peluang untuk menyumbang ke arah kebaikan bersama.

### **Hadirin Jumaat yang dikasihi Allah SWT,**

Mengakhiri khutbah pada hari ini, marilah kita mengambil beberapa pengajaran penting untuk dijadikan panduan dalam kehidupan seharian:

1. Umat Islam hendaklah menyedari bahawa hukum penyalahgunaan dadah adalah haram kerana ia membawa kemudaratan besar kepada diri, keluarga, masyarakat, negara, dan agama.
2. Setiap anggota masyarakat hendaklah saling bantu-membantu dalam proses pemulihan bekas penagih dadah dengan memberi sokongan dan dorongan serta tidak meminggirkan mereka untuk bersama dalam masyarakat.
3. Umat Islam perlu meyakini bahawa menyeru kepada kebaikan dan mencegah kemungkaran adalah perintah Allah SWT yang menjadi tanggungjawab bersama.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ  
وَالْمُؤْمِنُونَ وَالْمُؤْمِنَاتُ بَعْضُهُمْ أَوْلِيَاءُ بَعْضٍ يَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ  
وَيَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَيُقِيمُونَ الصَّلَاةَ وَيُؤْتُونَ الزَّكَاةَ وَيُطِيعُونَ اللَّهَ  
وَرَسُولَهُ وَأُولَئِكَ سَيَرْحَمُهُمُ اللَّهُ إِنَّ اللَّهَ عَزِيزٌ حَكِيمٌ ﴿٧٦﴾

*"Dan orang-orang yang beriman, lelaki dan perempuan, setengahnya menjadi penolong bagi setengahnya yang lain; mereka menyuruh berbuat kebaikan dan melarang daripada berbuat kejahatan; dan mereka mendirikan*



sembahyang dan memberi zakat, serta taat kepada Allah dan Rasul-Nya. Mereka itu akan diberi rahmat oleh Allah; sesungguhnya Allah Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana”

(Surah al-Taubah:71)

بَارِكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.

أَقُولُ قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِيْ وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ



## KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ.  
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ  
مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا  
مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ  
الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ! أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ  
بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ  
وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ  
أَجْمَعِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ  
الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ  
وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.



اللَّهُمَّ أَصْلِحْ أُمَّةَ الْمُسْلِمِينَ وَوَلَاةَ أُمُورِهِمْ وَجَمِيعَ الْمُسْلِمِينَ  
اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ  
بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى، وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى، أَنْ تَحْفَظَ بَعَيْنِ  
عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةَ، وَبِحِفْظِ وَقَايَتِكَ الصَّمَدَانِيَّةَ، جَلَالَةَ مَلِكِنَا  
الْمُعْظَمِ، سُلْطَانَ سَلَاطُونِ، سُلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادریس شاه  
الحاج ابن المرحوم سُلْطَانَ صَلَاحِ الدِّينِ عبد العزيز شاه  
الحاج. اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعُونَ وَالْهَدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ  
وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لَوْلِيِّ عَهْدِ سَلَاطُونِ، تَعَكَوْ أَمِيرِ شَاهِ ابْنِ  
السُّلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادریس شاه الحاج، فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ  
وَعَافِيَةٍ بِمَنْنِكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اللَّهُمَّ أَطْلُ  
عُمْرَهُمَا مُصْلِحِينَ لِلْمَوْظَفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ  
مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرِّشَادِ.

Ya Allah! kami berlindung dengan-Mu daripada ujian yang berat, daripada ditimpa kecelakaan, takdir yang buruk dan kegembiraan para musuh atas ujian dan kecelakaan yang menimpa kami. Ya Allah, kami mengharap perlindungan-Mu, daripada hilangnya nikmat yang Engkau berikan, dari berubahnya kesihatan yang Engkau kurniakan, lindungi negeri

kami dari datangnya bencana dan malapetaka. Ya Allah, hanya Engkau yang Maha menyelamatkan, selamatkan umat Islam dan Masjid Al Aqsa di Palestin.

Ya Allah! Jadikanlah kami antara hamba-Mu yang menjaga amanah. Kuatkan iman kami agar menjauhi perbuatan khianat serta jauhkan kami termasuk dalam golongan yang mengabaikan tanggungjawab dan jauhi negeri dan negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa. Serahkan tanggungjawab memimpin negara kami kepada hamba-Mu yang amanah dan jujur serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan syariat. Jadikanlah Ya Allah masjid dan surau di Negeri Selangor rumah-rumah-Mu yang aman, mempersatukan dan menjadi nadi kekuatan ummah.

Kukuhkanlah Ya Allah, pegangan akidah umat Islam di negeri ini, akidah yang berteraskan Ahli Sunnah Wal Jamaah yang berada di atas jalan Nabi Muhammad SAW dan para sahabat Radiallahuanhum serta jauhkanlah kami daripada segala fitnah yang boleh menggugat kesatuan dan perpaduan umat Islam.

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّاتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا ﴿٧٤﴾  
رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ ﴿٢٠١﴾  
عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ  
عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾



ISLAMIC SAVIOUR OBEEDIENCE

فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُواهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ،  
وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا  
تَصْنَعُونَ.